



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# ***KENYATAAN MEDIA***

## **KENYATAAN MEDIA MENTERI KERJA RAYA, YB DATUK SERI HJ FADILLAH HJ YUSOF, MENGENAI BAJET 2015**

Bajet 2015 mantap, bersifat inklusif dan mesra rakyat, dengan ia jelas mengambilkira kebimbangan rakyat di semua peringkat.

Selain meneruskan penekanan mesra perniagaan dan pelabur, kerajaan memberi perhatian utama kepada keperluan kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana.

Selari dengan tema bajet kali ini, "Ekonomi Keperluan Rakyat" (EKR), kerajaan juga memberi jaminan untuk memastikan rakyat tidak terbeban dengan kenaikan kos sara hidup dan penstrukturan semula subsidi minyak.

Ia mengutamakan kepentingan rakyat dengan menekankan strategi yang seimbang antara 'ekonomi modal lawan ekonomi keperluan rakyat'.

Bagi Kementerian Kerja Raya, sejumlah RM5.95 bilion diperuntukkan dengan kebanyakan adalah untuk projek sambungan, selain projek baharu.

Kementerian Kerja Raya sudah mengatur strategi dan akan melaksanakan kaedah pelaksanaan baharu seperti diputuskan EPU. Kementerian selaku pemantau akan memastikan projek dilaksanakan sebaiknya untuk memenuhi keperluan rakyat serta aspirasi kerajaan untuk menyediakan kemudahan terbaik kepada rakyat.

Pelaksanaan empat projek lebuhraya tahun depan diyakini akan menyumbang ke arah usaha merancang pelaburan awam dan swasta. Empat lebuhraya berkenaan ialah;

- i) Lebuhraya Sungai Besi - Ulu Klang (SUKE) sepanjang 59km (RM5.3 bilion)
- ii) Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Banting (WCE) sepanjang 276km (RM5 bilion)
- iii) Lebuhraya Damansara Shah Alam (DASH) sepanjang 47km (RM4.2 bilion)
- (iv) Lebuhraya Lingkaran Luar - Hubungan Timur (EKVE) sepanjang 36km (RM1.6 bilion)

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Peruntukan yang besar berjumlah RM27 bilion untuk pelaksanaan 1,663 km Jalan Pan Borneo, membabitkan jajaran sepanjang 936 km di Sarawak dan 727 km di Sabah, membuktikan komitmen kerajaan dalam meningkatkan kemudahan infrastruktur untuk rakyat di Sabah dan Sarawak.

Kita juga berterima kasih kepada Perdana Menteri yang terus mendengar denyut nadi rakyat di Sabah dan Sarawak dalam bajet kali ini.

Keputusan memperluas SUPERB (Program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera) ke Sabah dan Sarawak membabitkan peruntukkan RM30 juta, akan membantu ke arah melahirkan lebih ramai usahawan dari dua negeri itu.

Begitu juga peruntukkan RM72 juta bagi subsidi Padi Bukit untuk Sabah dan Sarawak melibatkan 72 hektar kawasan, bakal memperkukuhkan rantai bekalan makanan di dua negeri berkenaan.

Peruntukan RM262 juta bagi membiaya kos pengangkutan dan penguatkuasaan kawalan harga barangan harian terutama di Sabah dan Sarawak, akan memastikan kos sara hidup tidak membebankan rakyat terutama di luar bandar.

Kerajaan juga terus memberi keutamaan kepada keperluan dan kesejahteraan rakyat di Sabah dan Sarawak dengan penambahan dua Kedai Rakyat 1Malaysia di Sabah dan tiga di Sarawak, serta dengan membuka klinik kesihatan di Tenom, Sabah dan Lubok Antu, Sarawak.

Kita juga menyambut baik keputusan kerajaan mewujudkan 1Malaysia *Youth City* untuk belia di Semenanjung, Sabah dan Sarawak dengan peruntukan RM100 juta.

**DATUK SERI HAJI FADILLAH HAJI YUSOF**  
**MENTERI KERJA RAYA**  
**11 OKTOBER 2014**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my